

## BAB 3

### MENGATASI CABARAN DALAMAN, 1959-1962

#### 3.1 Pengenalan

Tempoh 1959-1962, merupakan tempoh genting dalam sejarah Brunei kerana berlaku berbagai pergolakan dan cabaran. Perlembagaan 1959 yang diharapkan untuk membawa Brunei maju kehadapan sebaliknya mundur kebelakang kerana bertambahnya kemasukan pegawai-pegawai dagang mengisikan jawatan-jawatan penting dalam kerajaan akibat birokrasi yang semakin melebar. Sistem pendidikan yang lemah menyebabkan jawatan-jawatan tersebut tidak dapat diisi oleh rakyat Brunei.

Bertambahnya pegawai-pegawai dagang untuk memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan, penangguhan pilihan raya dan munculnya idea Malaysia telah meningkatkan perjuangan Parti Rakyat Brunei (PRB) untuk lebih aktif. Isu ini telah dijadikan PRB sebagai alat untuk menuntut kemerdekaan penuh dan melaksanakan pemerintahan demokrasi berparlimen. Sultan Omar Ali Saifuddien III mula menghadapi cabaran dan tekanan ke atas Perlembagaan 1959 yang baru diisytiharkan. Alasan yang diberikan oleh kerajaan untuk meneruskan *survival* politik Brunei menangani isu ini tidak dapat diterima oleh PRB dan dianggap cuba

melemahkan perjuangan mereka. Kemenangan PRB menguasai kesemua kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya yang telah diadakan pada 1962 memberi jalan untuk mereka menuntut kuasa dengan berlandaskan kepada lunas-lunas perlembagaan. Kerana gagal, PRB mengubah perjuangan mereka menerusi gerakan bersenjata yang akhirnya membawa kepada pemberontakan pada 1962. Pemberontakan ini telah melibatkan Brunei ke dalam pergolakan politik antarabangsa.

Tumpuan perbincangan dalam bab ini akan berkisar kepada cabaran-cabaran ke atas Perlembagaan 1959 yang telah ditandatangani oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Bagaimana baginda menggunakan kuasa yang diberi oleh perlembagaan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh Brunei telah menimbulkan konflik dalam sehingga mengheret Brunei ke dalam pergolakan politik antarabangsa.

### **3.2 Perlembagaan 1959 dan Kesannya Ke Atas Pentadbiran dan Politik**

Kuasa autonomi dalam negeri yang diperolehi menerusi Perlembagaan 1959 telah meletakkan bebanan dan tanggungjawab yang besar untuk dipikul oleh kerajaan dan rakyat negeri Brunei. Jentera pentadbiran akan digerakkan oleh rakyat Brunei sendiri yang diketuai oleh Menteri Besar. Kedudukan birokrasi semakin melebar akibat perkembangan pentadbiran. Perkembangan ini tidak mungkin dapat dipenuhi oleh rakyat Brunei dengan serta merta akibat kekurangan pegawai yang berkemampuan dan berkelayakan. Kerajaan Brunei terpaksa mendatangkan pegawai-pegawai dagang. Dengan perjanjian “*Overseas Officers Agreement 1959*” maka

bolehlah Brunei mendapat bantuan tenaga luar negeri. Langkah kerajaan Brunei ini telah menghidupkan semula kecaman PRB dan menjadikannya isu ini menentang kerajaan dengan mengubah strategi perjuangan melalui Kesatuan Sekerja. Tuntutan ini tidak dapat mengubah pendirian kerajaan akhirnya perjuangan PRB bertambah radikal melalui satu pemberontakan pada 1962.

### 3.2.1 Pentadbiran dan Birokrasi

Sebelum campur tangan British 1906 pemerintahan dan pentadbiran Brunei dijalankan oleh sultan dan para pembesar tradisional. Sistem pemerintahan berdasarkan kepada ‘Hukum Kanun Brunei’.<sup>1</sup> Apabila British berjaya meletakkan residennya pentadbiran Brunei mula mengalami perubahan. Pentadbiran telah dijalankan oleh residen British. Oleh kerana residen British dilantik dari pegawai-pegawai “*Malayan Civil Service*” maka sistem pentadbiran Brunei adalah diasaskan kepada sistem yang telah diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Tanah Melayu.<sup>2</sup> Cuma terdapat sedikit perbezaan terhadap kuasa residen. Di Tanah Melayu kuasa residen meliputi semua bidang pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam tetapi di Brunei bidang kuasa Sultan terhad kepada agama Islam sahaja.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Hukum Kanun Brunei berlandaskan kepada hukum adat dan syariah. Dipercayai telah ditulis semasa pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (1601-1617). Lihat Haji Mohd Jamil Umar, Catatan Sejarah dan Pembesar-Pembesar Brunei, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hal. 113-156.

<sup>2</sup> R. E., Stubbs, Two Colonial Office Memoranda on The History of Brunei, JMBRAS, Vol. XLI, 2, 1968, hal. 109.

Apabila Brunei berjaya memperolehi sebuah Perlembagaan pada 1959, kuasa memerintah dalam negeri telah bertukar tangan. Sistem residen dimansuhkan dan kuasa penuh dalam negeri diserahkan semula kepada sultan. Ini telah mengubah struktur pentadbiran dengan Menteri Besar memegang peranan sebagai ketua eksekutif dan bertanggungjawab kepada Sultan. Beliau dibantu oleh Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-Undang. Hanya pada 1963, jawatan Timbalan Menteri Besar diperkenalkan tetapi telah dimansuhkan semula pada 1966.

Pada 1959 juga percantuman pentadbiran antara Brunei dengan Sarawak dimansuhkan. Akibatnya Brunei menghadapi masalah untuk mengisi keperluan jabatan-jabatan pentadbiran yang semakin membesar. Pemisahan ini menyebabkan Brunei kehilangan pegawai-pegawai pentadbir yang berpengalaman apabila seramai 31 orang pegawai-pegawai yang di datangkan dari Sarawak sejak 1948 untuk membantu pelaksanaan pentadbiran telah ditamatkan perkhidmatannya.<sup>4</sup> Akibatnya Brunei mula menghadapi kekurangan pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan penting kerana jawatan-jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh rakyat Brunei. Keadaan ini membawa kepada meningkatnya keperluan untuk membawa masuk pegawai-pegawai dagang kerana jawatan-jawatan dalam melaksanakan rancangan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh rakyat Brunei.

<sup>3</sup> Jatswan S. Sidhu, Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei 1906-1959, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hal.13.

<sup>4</sup> Agreement between Sultan of Brunei and Gabenor of Sarawak, 22 April 1948, C.O. 1030/533.

Perkembangan birokrasi yang semakin melebar dan keperluan terhadap tenaga manusia yang kian membesar akibat perubahan pentadbiran menyebabkan Brunei masih memerlukan tenaga-tenaga luar bagi mengisi jawatan-jawatan penting yang belum dapat diisi oleh pegawai-pegawai tempatan. Pada 1957 terdapat cuma 24 buah jabatan kerajaan. Setelah Brunei menandatangani perlumbagaan pada 1959 bilangannya mencapai angka 27 buah dan pada 1962 menjadi 36 buah. Antara jabatan-jabatan yang baru dibentuk ialah Majlis Negeri, Pejabat Pilihanraya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penampatan Semula dan Angkatan Bersenjata yang dibentuk pada 1961. Pada 1959, Jabatan Agama, Kastam dan Kebajikan yang dulunya satu jabatan telah diasingkan menjadi tiga buah jabatan. Pada 1961 Jabatan Penyiaran dan Penarangan telah diwujudkan. Pegawai-pegawai yang berkelayakan pula amat terhad. Terdapat hanya beberapa orang yang boleh dihitungkan sebagai golongan elit Melayu iaitu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Contohnya Marsal bin Maun, Pengiran Mohd. Yusof bin Pg. Hj. Abd. Rahim, Pengiran Mohd. Ali bin Pg. Mohd. Daud, Salleh bin Haji Masri (H.M. Salleh), Jamil Umar, Basir Taha dan lain-lain. Tentu sekali jumlah ini tidak dapat memenuhi keperluan tersebut. Perbelanjaan kerajaan juga telah meningkat. Pada 1957 jumlah perbelanjaan kerajaan \$10.1 juta dan 1959 meningkat menjadi \$12.7 juta. Pada 1962, perbelanjaan ini meningkat hampir dua kali ganda menjadi 20 juta.<sup>5</sup>

Sebelum Pemisahan Pentadbiran Brunei dengan Sarawak dilaksanakan 1959, Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak bimbang dengan keadaan tersebut kerana baginda sudah bersedia menghadapi keadaan itu dengan menandatangani *perjanjian "Overseas*

---

<sup>5</sup> Brunei Annual Report (BAR), 1957, hal. 18 & 19; 1958, hal. 19 & 20; 1959, hal. 18 & 19; 1960, hal. 18 & 19; 1961/1962, hal. 18 & 23.

*Officers Agreement 1959*". Berdasarkan kepada perjanjian ini Sultan Omar Ali Saifuddien III akan menerima bantuan kepegawaian dari Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London untuk mengisi jawatan-jawatan penting sehingga ada rakyat Brunei yang berkebolehan dan berkelayakan untuk mengambil alih jawatan-jawatan tersebut. Perjanjian ini menggambarkan seolah-olah Perlembagaan 1959 tidak membawa sebarang perubahan kerana semua jawatan-jawatan penting iaitu jawatan-jawatan Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang, Jurutera Negeri, Pegawai Pelajaran Negeri, Ketua Polis, Cawangan Khas dan Pegawai Kesihatan akan diisi oleh pegawai-pegawai luar.<sup>6</sup> Walaupun pihak Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London tidak memberi kuasa penuh kepada sultan untuk memilih pegawai-pegawai tersebut, namun untuk mengurangkan tekanan dari rakyat, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah menggunakan kuasanya untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai Persekutuan dari Tanah Melayu, kecuali Ketua Polis Negara dan Pegawai Cawangan Khas.<sup>7</sup> Baginda berjaya mendapatkannya.<sup>8</sup> Bantuan ini berakhir pada 1964, apabila pegawai-pegawai tersebut kembali ke Tanah Melayu.

Untuk menjamin *survival* Brunei jawatan-jawatan penting perlu diisi oleh pegawai-pegawai yang berwibawa. Akan tetapi, Sultan Omar Ali Saifuddien III cukup sedar dan faham tentang kekurangan pegawai-pegawai pentadbir akibat sistem pendidikan Brunei yang jauh tertinggal ke belakang berbanding dengan neger-negeri jirannya. British Residen Brunei pernah menjelaskan sewaktu memberi ucapan

---

<sup>6</sup> Constitutional Change in Brunei, C. O. 1030/526, f. 7.

<sup>7</sup> Letter From Governor Sarawak to W.I.J. Wallace, Colonial Office, 28 Julai 1959, C. O. 1030/532, f. 109.

<sup>8</sup> Wan Ahmad bin Wan Umar, memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Encik Ali Hassan memegang jawatan Peguam Negara. Abdul Wahab bin Arif, Pegawai Perubatan dan Idris Babjee, Pelajaran.

semasa beliau merasmikan mesyuarat agung *Brunei Malay Teacher's Association* bahawa dalam serba kekurangan amat mustahil Brunei untuk berkerajaan sendiri:<sup>9</sup>

**Dengan sepintas lalu Brunei belum lagi ada pasukan keamanan yang cukup, sebaliknya kita terpaksa meminjam pegawai-pegawai dan ahli-ahlinya dari luar. Bertambah [sic] pula kita belum ada mempunyai doktor-doktor, jurutera-jurutera dan ahli-ahli unku mengukur maka dengan keadaan yang demikian saya yakin bahawa kerkerajaan sendiri dengan tidak lengkap adalah mustahil.**

Pada 1955, daripada seramai 31 orang telah menduduki peperekson "The New Sarawak Junior Certificate" cuma seramai 20 orang sahaja yang lulus<sup>10</sup> dan pada 1957, cuma 8 orang sahaja penuntut Brunei yang lulus dalam peperiksaan *Overseas Cambridge School Certificate*.<sup>11</sup> Pada 1958 seramai 15 orang sahaja yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti. Ini bermakna anak Brunei lepasan Universiti hanya akan diperolehi menjelang 1961.<sup>12</sup> Sehingga 1961 belum terdapat satu sistem pendidikan yang teratur di Brunei sehinggalah Sultan Omar Ali Saifuddien III minta bantuan kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menyusun sistem pendidikan kebangsaan yang lebih teratur.

---

<sup>9</sup> Society Brunei Malay Teacher's Association File, BA/0065/83

<sup>10</sup> Matassim Hj Jibah, "Political Development in Brunei With Reference to the Reign of Sultan Omar Ali Saifuddin III (1950-1967)", M.A. Thesis, Universiti of Hull, England, 1983, hal. 17.

<sup>11</sup> General Review 1957, BA/12887/78.

<sup>12</sup> H.J. Padmore, Brunei Education Department Triennial Reports For 1955-1957, Kuala Belait: The Brunei Press, hal. 61-72.

Dasar pentadbiran British yang sengaja memberikan kemudahan pendidikan pada peringkat rendah menyebabkan rakyat Brunei tidak mampu untuk meningkatkan pelajaran ke peringkat yang paling tinggi bagi membolehkan mereka memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan.<sup>13</sup> Penjajah British juga tidak memberi peluang untuk anak-anak tempatan memegang tanggungjawab penting dalam pentadbiran. Dengan ini, Brunei akan sentiasa bergantung kepada pegawai dagang British. Perkara ini pernah dikecam oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang mendakwa pentadbir British lebih memberi keutamaan kepada pegawai-pegawai British daripada pegawai-pegawai tempatan dalam pentadbiran awam.<sup>14</sup> Pegawai-pegawai tempatan ini juga tidak diberi latihan untuk menambah pengalaman dalam pentadbiran sehingga mampu memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran Brunei.

Keadaan ini telah menimbulkan rasa marah terhadap pegawai-pegawai dagang, terutama pegawai pinjaman dari Malaya. Malahan situasi ini merupakan sebagai salah satu bahan provokasi yang menimbulkan permusuhan antara kerajaan dengan PRB dan dijadikan isu untuk membangkitkan semangat anti Malaya sebagai alat untuk menentang kerajaan.<sup>15</sup>

<sup>13</sup> Sabihah Osman, "Orang Orang Persekutuan Tanah Melayu Di Brunei 1500-1963", Kertas Kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Sejarah Brunei anjuran Jabatan Pusat Sejarah, Negara Brunei Darussalam, 28-31 Ogos 1989.

<sup>14</sup> Pelita Brunei, 6 Januari 1960.

<sup>15</sup> D.S. Ranjit Singh, "Brunei In International Cross-Currents, 1946-1963", Jurnal Hubungan Antarabangsa, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Vol. II, 1974-1975.

### **3.2.2 Perubahan Politik**

Perlembagaan 1959, membawa Brunei maju setapak dalam perkembangan politik menerusi peruntukan Bab 27 (1) yang membolehkan pilihan raya bagi memilih ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah (MMD) dan juga Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) diadakan selewat-lewatnya pada 18 Oktober 1961.<sup>16</sup> Pilihan raya merupakan salah satu ciri dan langkah pertama ke arah sistem pemerintahan demokrasi. Pada Ogos 1960, beberapa persediaan telah dibuat untuk mengadakan pilihanraya; iaitu mengubal Undang-Undang Kerakyataan, mengadakan pendaftaran pengundi, menubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya dan menentukan kawasaan. Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Haji Mustaffa Albakri telah dijemput untuk memberikan pandangan dan cadangan-cadangan terhadap rancangan tersebut. Beliau telah tiba di Brunei pada 19 Ogos 1960.<sup>17</sup> Pada bulan September tahun 1960, sebuah memorandum cadangan bagi pilihan raya seperti yang dilakukan di Persekutuan Tanah Melayu telah siap digubal<sup>18</sup>. Sebanyak 55 kawasan pilihan raya seluruh negara telah ditetapkan untuk memilih seramai 55 orang ahli bagi memenuhi kerusi MMD. Pembahagian kerusi-kerusi di keempat-empat daerah ditentukan berdasarkan kepada keramaian penduduk. Brunei dan Muara seramai 21 orang, Belait seramai 12 orang, Tutong seramai 15 orang dan Temburong seramai 7 orang. Dari jumlah tersebut seramai 16 orang akan dilantik untuk menjadi ahli MMN.

---

<sup>16</sup> Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan, ke 22, Kertas No. 286/60, 31 Ogos 1960, BA/1380/78.

<sup>17</sup> Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan ke 22, BA/1380/78..

<sup>18</sup> Kertas-Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan, ke 24, No. 313/60, 28 September 1960, BA/13809/78.

Pemilihan bagi Majlis-Majlis Daerah diadakan pada akhir Ogos 1961 dan MMN pada September 1961.<sup>19</sup> Berdasarkan Rang Undang-Undang Pilihan Raya yang diluluskan oleh MMK yang bersidang pada 31 Ogos 1960, pegawai-pegawai kerajaan juga dibenarkan menjadi ahli MMN , walaupun perkara ini tidak pernah dilakukan di dalam negara-negara Komanwel yang lain.

Satu cadangan bagi Undang-Undang Taraf Kebangsaan telah siap pada 24 Oktober 1960.<sup>20</sup> Undang-undang ini memperuntukkan setiap orang yang dilahirkan di Brunei dan yang dikenali sebagai penduduk asli yang terdiri dari Melayu, Belait, Tutong, Kedayan, Murut, Bisaya dan Dusun tergolong sebagai rakyat sultan. Yang lainnya dianggap sebagai bukan warga negara tetapi boleh memohon untuk pewarganegaraan (naturalisasi) setelah tinggal selama 20 tahun daripada 25 tahun tempoh wajib menetap di Brunei. Sebelum itu mereka diwajibkan untuk menghadapi ujian bahasa Melayu. Cadangan ini telah mendapat bantahan PRB dan terpaksa ditangguhkan. PRB mahu supaya dayak asli dimasukkan dalam katagori rakyat jati dan tempoh yang ditetapkan untuk memohon menjadi penduduk tetap ialah 10 tahun daripada 15 tahun. Azahari telah mengulas dengan mengatakan;<sup>21</sup>

**We do not wish to see another South Africa in this peaceful state. We do not want the Dayaks to face the same fate as the Bantu or Africans in South Africa**

<sup>19</sup> Ibid., Lihat juga Memorandum Cadangan-Cadangan Bagi Pilihan Raya Brunei, BA/13809/78

<sup>20</sup> Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan, Bil: SUK O.249/60, No. 403/60, Rang Undang-Undang Kebangsaan, 30 November 1960.

Mengenai dengan syarat pewarganegaraan, beliau juga mengancam “*to organize a protest Mac against the proposed legislation, but called it off when the Government showed its willingness to amend the bill*”.<sup>22</sup> Bagi mendapatkan kerjasama dan tolak ansur, Kerajaan telah mengeluarkan arahan untuk memberi peluang kepada orang ramai, persekutuan-persekutuan atau parti politik memberikan pendapat secara bertulis mengenai rang undang-undang tersebut.<sup>23</sup>

Akibatnya pilihan raya terpaksa ditangguhkan dan dicadangkan selewat-lewatnya pada 18 Oktober 1962.<sup>24</sup> Kerajaan memberi alasan penangguhan ini disebabkan kelambatan pendapat dan teguran rakyat mengenai rang undang-undang tersebut yang menjelaskan kelancaran proses memilih pengundi yang berhak serta pembahagian kawasaan.

PRB menganggap alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan tidak munasabah serta menuduh kerajaan takut PRB akan menang dan memerintah. PRB menuduh tindakan ini merupakan satu taktik untuk melemahkan pengaruh PRB. Tambahan pula Kerajaan Brunei telah meluluskan penubuhan dua buah parti *iaitu Brunei National Organisation* (BNO) dan *Brunei United Party* (BUP)<sup>25</sup>. Pada 6 Ogos 1961 PRB telah mengadakan demonstrasi dengan mengadakan perarakan secara besar-besaran keliling Bandar Brunei<sup>26</sup> dengan tujuan untuk menyerahkan surat bantahan kepada Kerajaan British melalui Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Sir D.C. White.<sup>27</sup> Berpuluhan ribu orang telah menyertai perarakan tersebut. Untuk meredakan ketegangan

<sup>21</sup> Borneo Bulletin, 5 November 1960 dan 12 November 1960.

<sup>22</sup> Ibid., 28 Januari 1961.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Pelita Brunei, 2 Ogos 1961.

<sup>25</sup> Borneo Bulletin, 25 November 1961, 23 Disember 1961 dan 13 Januari 1962.

antara PRB dan kerajaan, pada awal 1962, Sultan telah melantik pemimpin PRB, A.M. Azahari menjadi ahli MMN.<sup>28</sup> Oleh kerana beberapa cadangan yang dikemukakan oleh beliau dalam persidangan MMN tidak mendapat sokongan<sup>29</sup> maka beliau berasa kecewa dan akhirnya tidak lagi menghadiri persidangan majlis tersebut serta membuang diri ke Johor Bahru.<sup>30</sup>

Sunggupun PRB merasa kecewa terhadap pengasingan parti dalam pemerintahan Brunei, namun pada peringkat awalnya mereka terpaksa akur dan menunjukkan kerjasama apabila pemimpin parti menyeru para pengikutnya menerima perlombagaan dan menumpukan kepada pilihan raya yang akan diadakan. Sambil itu PRB mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya melalui Kesatuan-Kesatuan Buruh dengan menerapkan Barisan Buruh Bersatu Brunei (4B) menjadi sebahagian PRB tahun 1960. Kenyataan ini termuat di dalam sepucuk surat yang dikirimkan kepada Setiausaha Kerajaan, Brunei yang mengatakan bahawa 4B akan menyokong perjuangan Parti Rakyat Brunei Kalimantan Utara dan akan berkerja sama dalam segala lapangan.<sup>31</sup>

4B telah ditubuhkan pada 29 Mei 1960.<sup>32</sup> Tujuan penubuhannya untuk memperjuangkan hak-hak kaum buruh di Negeri Brunei yang jauh tertinggal dan amat menyediakan dalam lapangan sosial dan pelajaran.<sup>33</sup> Kejayaan 4B dalam memperjuangkan nasib buruh dengan mengadakan mogok-mogok menjadikan 4B

---

<sup>26</sup> Suara Bakti, 20 Oktober 1961.

<sup>27</sup> Suara Bakti, 20 Oktober 1961, Lihat juga, 'Political Situation-Brunei', C.O. 1030/1038.

<sup>28</sup> Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri ke 62, 10 Februari 1962, BA/13827/78.

<sup>29</sup> Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri ke 66, 21 Mac 1962, BA/13831/78.

<sup>30</sup> Zaini Haji Ahmad (ed), The People's Party of Brunei: Selected Documents, Petaling Jaya: Institute of Social Analysis (INSAN), 1989, hal. 25.

<sup>31</sup> Surat dari Setiausaha Agung 4B, kepada Setiausaha Kerajaan Brunei, 18 Julai 1961, BA/2636/83.

<sup>32</sup> Suara Bakti, 15 Disember 1961.

lebih popular. A.M. Azahari telah dilantik menjadi Penasihat Kehormat dan A. Hapiz Laksamana menjadi Naib Presiden. Mereka juga mengancam akan mengadakan mogok sebagai menyokong tuntutan PRB sekiranya tarikh pilihan raya tidak diumumkan oleh kerajaan.<sup>34</sup> Mereka juga memperjuangkan penyertaan ketiga-tiga wilayah British Borneo untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Setelah Undang-Undang Taraf Kebangsaan diluluskan oleh MMN pada 1 Januari 1962,<sup>35</sup> Suruhanjaya Pilihan Raya mula membuat persiapan bagi mengadakan pilihan raya. Pilihan raya pertama bagi Negeri Brunei berlangsung pada 30 Ogos 1962.<sup>36</sup> Seramai 81 orang termasuk seorang wanita<sup>37</sup> bagi merebut 55 kerusi bagi MMD. PRB meletakkan calon di semua kawasan, BNO 8, BUA 1 dan bebas 17 calon. Pada hari penamaan calon, 31 orang daripadanya menang tanpa bertanding, 20 dari daerah Brunei Muara, 7 orang dari daerah Belait dan 4 orang dari daerah Temburong.<sup>38</sup> Dalam pemilihan tersebut 54 daripada 55 kerusi dalam MMD telah dimenangi oleh calon-calon PRB. Hanya satu kerusi sahaja yang dimenangi oleh calon bebas.<sup>39</sup> Kemenangan majoriti PRB dalam MMD telah membolehkan mereka menduduki 16 kerusi yang diperuntukkan dalam MMN. Dari jumlah tersebut, seramai 6 orang daripadanya telah dipilih menjadi ahli MMK (3 orang dari Brunei Muara, 1 orang dari Belait, 1 orang dari Tutong dan 1 orang dari Temburong).<sup>40</sup>

---

<sup>33</sup> Resolusi 4B dalam persidangan antara PRB dan 4B, 22 Julai 1961, BA/2636/83.

<sup>34</sup> Keputusan Persidangan Tergempar Dewan Perwakilan 4B, 23 Julai 1961, BA/2636/83.

<sup>35</sup> Suara Bakti, 8 Disember 1961.

<sup>36</sup> Pelita Brunei, 20 Jun 1962.

<sup>37</sup> Pelita Brunei, 1 Ogos 1962.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Pelita Brunei, 5 September 1962.

<sup>40</sup> BAR, 1961/62, hal. 168-177.

Kejayaan besar yang diperolehi oleh PRB dalam pilihan raya menunjukkan sokongan padu rakyat Brunei ke atas perjuangan parti ini. Sokongan ini bukannya semata-mata kerana persiapan rapi semasa kempen dan manifesto memprotes rancangan pertubuhan Malaysia dan mewujudkan Kesatuan Kalimantan Utara<sup>41</sup> bahkan kepercayaan rakyat kepada janji-janji para pemimpin PRB yang berjuang untuk membela nasib rakyat. Ini terbukti apabila usul-usul A.M. Azahari selaku pemimpin parti dalam MMN yang membawa usul mahukan supaya menaikkan taraf dan gaji buruh, mengakui supaya kedaulatan Sultan tidak terhad kepada Brunei tetapi seluruh Kalimantan Utara, mengadakan dasar pendidikan kebangsaan, memberikan dermasi-siwa yang tidak terhad kepada rakyat dan mendesak kerajaan menyediakan pekerjaan bagi lepasan sekolah.<sup>42</sup> Terdahulu daripada itu memang pihak kerajaan tidak membuat sebarang perubahan dan usaha untuk masalah penderitaan dan meningkatkan taraf hidup terutama pendapatan golongan petani, gaji buruh yang terlalu rendah, bekalan letrik, kekurangan doktor serta diskriminasi antara pegawai kerajaan dengan rakyat.<sup>43</sup> Akibat kurang peka terhadap keperluan rakyat maka rakyat memberi sokongan padu kepada PRB<sup>44</sup> yang dianggap sebagai satu-satunya pertubuhan politik yang dapat membela nasib mereka.

Selepas PRB memenangi semua kerusi MMD dan juga MMN tidak ada persidangan majlis dibuat kecuali satu sidang rasmi untuk mengangkat sumpah ahli-ahli majlis yang baru dan mendengar titah Sultan pada 10 Oktober 1962<sup>45</sup> Akibatnya

<sup>41</sup> Zaini Haji Ahmad, (ed.), The People's Party of Brunei, Dokumen No 15/PRB/62, hal.167.

<sup>42</sup> Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan ke 66, 21 Mac 1962, BA/1381/78.

<sup>43</sup> Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan ke 66, 21 Mac 1962, BA/1381/78..

<sup>44</sup> Office of His Excellency The High Commissioner For Brunei to The Rt. Hon'ble the Secretary of State, Colonial Office, London, 20th Disember 1962, Brunei Disturbance, C.O. 1030/1076.

<sup>45</sup> Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, 10 Oktober 1962, BA/13845/78.

timbul bantahan dari PRB kerana tidak senang dengan keadaan ini. PRB ingin memberikan pandangan tentang siapa yang patut dilantik walaupun perlembagaan memperuntukkan hak sultan untuk melantik siapa sahaja yang difikirkan layak. PRB mengharapkan dengan kemenangan ini mereka akan diiktiraf sebagai parti politik yang berjaya menerusi proses perlembagaan. Dengan cara ini mereka akan dapat membuat satu resolusi meminda perlembagaan dan seterusnya menuntut kemerdekaan pada tahun 1963.<sup>46</sup> Mesyuarat pertama MMN selepas pilihan raya pada 5 Disember 1962, telah memberi peluang kepada PRB terus menuntut kemerdekaan dan demokrasi dengan mengemukakan usul yang pernah disuarakan oleh pemimpin PRB A.M. Azahari dalam MMN pada 21 Mac 1962, yang mahukan hak demokrasi diberikan kepada rakyat dan menuntut supaya kemerdekaan penuh pada tahun 1963:<sup>47</sup>

**Bahawa Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang hari ini mengambil keputusan mendesak Kerajaan British untuk mengembalikan kedaulatan Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei di seluruh Kalimantan Utara sebagai raja yang berperlembagaan dan berparlimen dalam bentuk Negara Kesatuan Kalimantan Utara yang bercorak demokrasi seratus peratus dan memberikan kemerdekaan penuh pada tahun 1963.**

Bagi Sultan pilihan raya yang diadakan dan kemenangan yang diperolehi oleh PRB bukanlah sebagai penentu siapa yang patut memerintah sebaliknya ia sebagai satu percubaan untuk mengukur keupayaan rakyat serta mempelajari cara sistem pemerintahan demokrasi sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh. Pilihan raya

<sup>46</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076.

<sup>47</sup> Zaini Haji Ahmad, The People's Party of Brunei, Dokumen No. 18/PRB/62, hal. 189-190.

yang diadakan untuk memilih wakil-wakil supaya dapat menyertai pentadbiran bukan untuk memerintah;<sup>48</sup>

Pilihan raya yang telah diadakan itu bukanlah hendak menentukan siapa yang patut memegang teraju kerajaan. Perlembagaan ini cuma menentukan bagi langkah permulaan supaya ahli-ahli yang dilantik duduk dalam Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri untuk mempelajari cara-cara pemerintahan dengan tujuan untuk kemudiannya mengadakan perkembangan-perkembangan demokrasi bagi membolehkan sesebuah kerajaan yang dipilih, selepas ahli-ahli mendapat pengalaman yang cekap.

Menurut tanggapan PRB pula, kemenangan yang diperolehi memberi keyakinan bahawa mereka akan berkuasa atau sekurang-kurangnya berkongsi kuasa. Dengan ini kepimpinan nasional dapat dipindahkan kepada rakyat.<sup>49</sup> Jalan ke arah kemerdekaan sebenar mestilah menerusi proses demokrasi yang selalunya wujud dalam institusi-institusi kerajaan.<sup>50</sup> Tetapi sultan masih tidak yakin terhadap demokrasi dijadikan sebagai satu ideologi pemerintahan memandangkan betapa rendahnya keupayaan rakyat Brunei untuk memikul tanggungjawab akibat sistem pendidikan jauh tertinggal ke belakang dan bergantung kepada pegawai-pegawai luar.

### 3.3 Isu Malaysia dan Pemberontakan 1962

Gagasan Malaysia yang telah dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada 27 Mei 1961<sup>51</sup> merangkumi

<sup>48</sup> Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddin, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971 hal. 151.

<sup>49</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", hal. 118.

<sup>50</sup> D. S., Ranjit Singh, "The Internal Politics of Brunei in the 1950's and 1960's", Mohd Amin Hassan & Nik Suhaimi Abd Rahman (ed.), The Eighth Conference International Association of Historians of Asia, Committee The Eight International Conference, IAHA, Kuala Lumpur, 1980, hal.3.

<sup>51</sup> B. Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu 1945-1963, Satu Kajian Mengenai Masalah-Masalah Persekutuan Di Dalam Sebuah Mesyarakat Majamuk, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd.,

PTM, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei.<sup>52</sup> Rancangan ini dirasakan oleh PRB sebagai satu rancangan yang cuba menggagalkan pembentukan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) yang sedang diperjuangkan oleh PRB. Hal ini telah menambahkan konflik dalaman Brunei yang telah sedia wujud berkaitan dengan pindaan perlembagaan membolehkan pilihan raya ditunda pada akhir 1962. Pertembungan antara kedua idea ini telah menjadi pencetus pemberontakan pada 1962.

Keinginan Tunku Abdul Rahman untuk membawa ketiga-tiga wilayah British Borneo memasuki Persekutuan didorong oleh tiga faktor utama. Pertama untuk mengimbangi majoriti orang-orang Cina.<sup>53</sup> Kedua, faktor keselamatan akibat perkembangan pengaruh komunisme yang bercita-cita untuk menakluki seluruh dunia. Tunku Abdul Rahman juga bimbang “*Clandestine Communist Organization (CCO)*” yang mula menampakkan pengaruhnya di Sarawak dan berkemungkinan akan merebak ke Borneo Utara dan Brunei.<sup>54</sup> Setentunya kesemua ini akan mengancam bukan saja keselamatan ketiga-tiga wilayah tersebut bahkan ke atas PTM sendiri. Percantuman ini akan dapat “*a bulwark against the spread of Communism in South East Asia*”.<sup>55</sup> Ketiga adalah kepentingan ekonomi. Apabila idea ini direalisasikan

---

hal. 138, 1985 Rancangan ini telah diucapkan secara rasmi semasa perjumpaan dengan Persatuan Wartawan Asing di Singapura.

<sup>52</sup> *Ibid.*, hal. 138.

<sup>53</sup> *Ibid.*, hal. 147-148. Lihat Mohammad Noordin Sopiee, From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification In The Malaysia Region 1945-1965, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1974, hal. 144 dan 147. Lihat juga R.S. Milne dan D.K. Mouzy, Politics and Government in Malaysia, Singapore: Federal Publications, 1978, hal. 74.

<sup>54</sup> Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu 1945-1963, hal. 141.

<sup>55</sup> Eastern World, September 1963.

maka dapatlah dibentuk satu unit ekonomi yang “*viable*”.<sup>56</sup> Penyertaan Brunei akan memungkinkan bantuan bagi pembiayaan pembangunan Sarawak dan Borneo Utara.<sup>57</sup>

Berdasarkan kepada rancangan ini, Tunku Abdul Rahman telah menyampaikan hasrat tersebut kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei serta mencadangkan supaya Setiausaha Negara di London menyampaikan kepada Sultan Brunei perihal cadangan tersebut.<sup>58</sup> Tunku Abdul Rahman juga menjanjikan jika Brunei bersetuju untuk menyertai persekutuan ini wilayah Sarawak atau sebahagiannya akan dikembalikan kepada Brunei;<sup>59</sup>

**it would be better of course if Sarawak could be returned to Brunei, at least the northern part of Sarawak where the population is mainly Malays and Dayak**

Para pemimpin ketiga-tiga wilayah membantah cadangan ini kerana dalam persidangan kebangsaan badan-badan politik di ketiga-tiga wilayah British Borneo bersetuju untuk membentuk Kesatuan Borneo-Utara ke arah “*not only for three states but also for everybody*”<sup>60</sup> Rancangan ini telah mendapat sambutan dari Parti Negeri Sarawak yang dipimpin oleh Dato Bandar Haji Mustapha bin Abang Moasihi, Pengurus Malay National Union, Enche Mohammed bin Haji Bakri yang mempunyai ahli seramai 10,000 orang dan Setiausaha Umum Barisan Pemuda Sarawak, Tuan Haji

<sup>56</sup> Zainal Abiddin Wahid, “Malaysia, South East Asia and World Politics”, Wang Gungwu (ed), *Malaysia: A Survey*, New York: Frederick A. Praeger, 1965, hal. 365.

<sup>57</sup> Mohamad Abu Bakar, “Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia”, hal. 122.

<sup>58</sup> ‘Greater Malaysia: Brunei Aspects, C.O. 1030/1012, f.3

<sup>59</sup> *Ibid.*, f.117.

<sup>60</sup> Extract From *The Sarawak Tribune*, 18 Mac 1960, National Congress of British Borneo, C.O. 1030/1197, f. 6.

Su'ut bin Tahir.<sup>61</sup> Pada 17 Januari 1962, A.M. Azahari selaku Ketua PRB telah mengatakan bahawa Persekutuan Malaysia harus ditiadakan kerana yang perlu ialah NKKU.<sup>62</sup> Sebagai protes, PRB telah menghantar telegram kepada Perdana Menteri British, Tuan MacMillan, mengatakan PRB menentang sekeras-kerasnya gagasan Malaysia. Tidaklah bijaksana untuk British membuat sesuatu keputusan mengenainya.<sup>63</sup>

Sultan Omar Ali Saifuddien III, telah bersetuju pada dasarnya bagi menjamin kepentingan hubungan kedua pihak dan sama ada persekutuan ini memberi faedah atau tidak.<sup>64</sup> Dalam persidangan MMN yang diadakan pada 18 Julai 1962, rancangan ini telah mendapat sokongan ahli apabila 22 orang ahli telah menyokong dan 4 orang daripadanya menolak. Sokongan ini berdasarkan kepada beberapa persamaan budaya, bahasa dan agama. Sungguhpun begitu keputusan rasmi bergantung kepada persetujuan rakyat.<sup>65</sup> Baginda sendiri lebih suka mengadakan hubungan dengan PTM daripada pengabungan ketiga-tiga wilayah Borneo yang dicadangkan;<sup>66</sup>

**Some observer in Brunei have expressed the opinion that the Sultan of Brunei does not favor federation of Brunei with the other Borneo territories but rather prefer Brunei to join in some kind of loose federation of Malaya**

Di samping itu, Sultan Omar Ali Saifuddien III menerima cadangan tersebut untuk menjamin keselamatan Brunei demi menjaga kepentingan bersama. Lebih-lebih

<sup>61</sup> Ibid., 18 Mac 1960, National Congress of British Borneo, C.O. 1030/1197.

<sup>62</sup> Greater Malaysia: Brunei Aspects, C.O. 1030/1012, f. 132.

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 131.

<sup>65</sup> , From Reginald Maudling To Sultan Omar Ali Saifuddien III, 9 Mac 1962, C.O. 1030/1012, f. 45.

<sup>66</sup> Recent Development in British Borneo, Foreign Service Despatch from American Consulate General, Singapore to the Department of State Washington, Jun 25, 1958, RG51 746H.00/8-1957 HBS,

lagu wujud keperluan tenaga professional dalam pentadbiran Brunei. Kebanyakan jawatan-jawatan penting pada ketika itu seperti jawatan Setiausaha Kerajaan, Peguam Negeri, jawatan dalam perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pendidikan dan juga Pasukan Polis telah didatangkan dan diperbantukan dari PTM.<sup>67</sup>

Satu Suruhanjaya seramai 6 orang telah dilantik untuk meninjau pendapat rakyat mengenai rancangan tersebut yang diketuai oleh Menteri Besar dan ahli-ahlinya Encik Hashim Tahir, Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, A.M. Azahari, Pehin Bendahari China, Hong Hock Tin dan Orang Kaya Gimang anak Perait.<sup>68</sup> PRB mendakwa hampir 100% penduduk Brunei tidak bersetuju Brunei memasuki Persekutuan Malaysia.<sup>69</sup> Semasa persidangan MMN pada 18 Julai 1962<sup>70</sup> sultan telah bertitah kebanyakan rakyat bersetuju pada dasarnya Brunei memasuki Malaysia.<sup>71</sup> Kenyataan ini telah disokong oleh Menteri Besar Brunei, Dato Marsal bin Maun.<sup>72</sup>

Sungguhpun Sultan Omar Ali Saifuddien III menerima pada dasarnya rancangan tersebut, PRB telah menjadikan isu tersebut sebagai kempen pilihan raya. Akhirnya timbul perasaan benci di kalangan rakyat kepada pegawai-pegawai dari PTM yang dipinjamkan dan mereka dianggap sebagai agen *new colonialism*.<sup>73</sup> Cadangan Malaysia dianggap oleh PRB bukan hanya merampas kemerdekaan yang hendak

<sup>67</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil.10, 1981, hal. 122.

<sup>68</sup> *Suara Bakti*, 12 November 1962.

<sup>69</sup> *Pelita Brunei*, 7 Mac 1962.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 1 Ogos 1962.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.*, 7 Mac 1962.

<sup>73</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", hal. 123.

dinikmati oleh Brunei sebaliknya menghancurkan cita-cita A.M. Azahari untuk membentuk sebuah empayar dan terus meletakkan dirinya sebagai pejuang nasionalis Borneo.<sup>74</sup> Persekutuan ini apabila direalisasikan nanti akan dapat mengembalikan zaman kegembilangan Kesultanan Brunei.

Dalam pada itu, cadangan Tunku Abdul Rahman, mendapat sokongan dari beberapa parti politik Brunei khususnya BNO, BUP dan BPA. Walaupun BNO pada mulanya menolak cadangan tersebut kerana inginkan kemerdekaan terlebih dahulu sebelum menyertai PM<sup>75</sup> namun akhirnya berubah kerana penyertaan ini akan menjamin kestabilan politik<sup>76</sup> dan wilayah Borneo tidak akan dikuasai oleh komunis atau didominasi oleh Indonesia atau Filipina.<sup>77</sup> BUP menyokong segala keputusan kerajaan dan mendakwa sebagai satu langkah yang bijak.<sup>78</sup> BAP berpendapat dengan cara ini saja Brunei akan mencapai kemajuan dengan cepat dan jika Brunei tidak menyertai dianggap sebagai satu kesilapan besar.<sup>79</sup>

Kemenangan PRB dalam pilihan raya pertama telah membuktikan sokongan rakyat terhadap perjuangan parti tersebut. Kempen anti-Malaysia memberi kesan positif kepada perjuangan parti tersebut. Malangnya suara mereka diketepikan. Perjuangan untuk kemerdekaan dan penubuhan NKKU tidak diendahkan oleh kerajaan menyebabkan keadaan semakin panas.

---

<sup>74</sup> D.S. Ranjit Singh, Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival, Singapore: Offord University Press, 1984, hal. 151-152.

<sup>75</sup> Borneo Bulletin, 1 Julai 1961.

<sup>76</sup> Ibid., 16 Mac 1963.

<sup>77</sup> Ibid., 23 Jun 1963.

<sup>78</sup> Ibid., 16 Mac 1963.

PRB melihat penubuhan Persekutuan Malaysia akan menjelaskan ketokohan pimpinannya dan imejnya sebagai pelopor gerakan nasionalisme British Borneo ke arah pembentukan NKKU sekali gus menjadi jaguh pejuang kemerdekaan British Borneo.<sup>80</sup> Dengan kata-kata lain gagasan ini sebagai saingan utama kepada gagasan tajaan PRB.<sup>81</sup> A.M. Azahari mahu sebelum Persekutuan Malaysia ketiga-tiga wilayah mesti disatukan terlebih dulu menerusi konsep pengabungan bukan persekutuan.<sup>82</sup> Penduduk ketiga-tiga wilayah mahukan kemerdekaan menerusi PBU bukan menyertai Persekutuan Malaysia.<sup>83</sup>

PRB juga menganggap Persekutuan Malaysia memusnahkan perkembangan nasionalisme Brunei yang sedang bergerak cergas<sup>84</sup> mengikut aspirasi sendiri tanpa sebarang campur tangan luar. Oleh itu idea penyatuan hendaklah atas dasar nasionalisme tempatan bukan dorongan dari penduduk luar. PRB juga menuduh Tunku Abdul Rahman mahu menjadi Bapa Kemerdekaan Borneo setelah berjaya digelar Bapa Kemerdekaan Malaya.<sup>85</sup>

Selain itu, Persekutuan Malaysia juga akan menjelaskan peluang PRB untuk berkuasa kerana menyedari mereka akan tersisih di peringkat Persekutuan. Pada masa yang sama mereka juga sedang berjuang untuk mendapatkan kuasa bagi membolehkan pengikut-pengikutnya menyertai pentadbiran kerajaan. Perasaan curiga terhadap

---

<sup>79</sup> Ibid., 16 April 1964.

<sup>80</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 161.

<sup>81</sup> Borneo Bulletin, 3 Jun 1961.

<sup>82</sup> Ibid.

<sup>83</sup> North Borneo and Sabah Times, 8 November 1962.

<sup>84</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 159.

<sup>85</sup> Ibid., hal. 161.

pegawai-pegawai pinjaman yang didatangkan dari PTM<sup>86</sup> seolah-oleh menyisihkan mereka dari mendapat kepentingan. Ini ternyata apabila mereka mengancam Pegawai Hutan Negara, Encik Mohd. Yakin kerana gagal mendapatkan konsisi balak.<sup>87</sup> Persoalan mengenai identiti dan status Brunei juga menjadi punca PRB menentang Persekutuan Malaysia kerana identiti dan status Brunei akan terjejas sekiranya memasuki Persekutuan Malaysia.<sup>88</sup> Brunei sebuah kerajaan yang bersultan dan mempunyai perlembagaan sendiri. Perlembagaan Brunei berbeza dengan Persekutuan Tanah Melayu yang juga akan menjadi Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Brunei memberi kedudukan tertinggi kepada Sultan selaku ketua negara dan kerajaan. Memikirkan situasi ini menjadi punca utama kenapa Sultan Brunei tidak menyertai Malaysia.

Kegagalan tuntutan PRB dalam MMN yang bersidang pada 5 Disember 1962 telah mengubah strategi perjuangannya dari berdasarkan lunas-lunas perlembagaan kepada corak yang lebih radikal dengan mengumpulkan kekuatan untuk menentang secara kekerasan melalui sayap militernya yang dipanggil Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU). Akhirnya pada 8 Disember 1962, pemberontakan telah meletus tetapi dalam tempoh dua minggu sahaja pemberontakan ini dapat dipadamkan dengan bantuan askar-askar British.

---

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> Ahmad Hassan, Ke Mana Azahari ?, Alor Star: United Development Cooperation, hal. 9. (tahun tidak dinyatakan)

### **3.3.1 Pemberontakan 1962 dan Implikasinya**

Kegagalan PRB untuk mewujudkan sebuah negara baru yang dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) yang terhalang dengan kemunculan gagasan Malaysia dan kegagalan untuk mendapatkan kuasa setelah memenangi pilihan raya bagi membentuk kerajaan berlandaskan perlembagaan serta sokongan luar negeri terhadap perjuangan ini menyebabkan PRB mengubah strategi perjuangannya dengan melancarkan pemberontakan bersenjata pada 8 Disember 1962. Sungguhpun pemberontakan ini hanya berjalan selama dua minggu namun ia telah meninggalkan implikasi yang besar ke atas perkembangan politik dalaman dan dasar luar Brunei yang akhirnya mengheret Brunei ke dalam pergolakan politik antarabangsa.

### **3.3.2 Demokrasi Moden**

Perjuangan PRB yang dipimpin oleh A.M. Azahari bukan saja untuk menuntut kemerdekaan dari belanggu penjajahan British, juga mahu mewujudkan sebuah pemerintahan bercorak demokrasi. Dengan cara ini kuasa memerintah akan dapat diserahkan kepada rakyat. A.M. Azahari berpendapat bahawa "*The old autocratic rule of Brunei must go, the people demanded a say in their Government. The party wished to see the Sultan preserved under British protection*".<sup>89</sup> Parti ini cuba berjuang menerusi landasan perlembagaan.

---

<sup>88</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 161.

<sup>89</sup> Letters From Mr. J.B. Johnston, Colonial Office, London to Sir Anthony Abell, Constitution of Brunei, 6 Julai 1957. C.O. 1030/464,

Campur tangan dan sikap degil British untuk memberi laluan kepada mereka mendapatkan kuasa telah memarakkan api kemarahan PRB kepada Kerajaan. Mereka menuduh pemerintahan tradisional adalah ditaja oleh British, tidak cekap, mementingkan kemewahan dan rasuah serta menggelapkan mata rakyat apa yang dibuat oleh British. Jadi pemberontakan merupakan satu cara untuk mengubah sistem Kerajaan yang ditaja oleh British untuk membolehkannya mendapatkan kuasa dengan cara mudah. Kerana itu PRB mahukan supaya kekuasaan diserahkan kepada rakyat dan menuntut supaya majoriti ahli-ahli MMN dalam pilihan raya mestilah terdiri dari ahli-ahli yang dipilih.<sup>90</sup>

Mereka juga menuduh pemerintahan tradisional tidak cekap, statik dan telah diperalatkan oleh pihak British untuk kepentingannya. Dengan memberi kemewahan kepada pembesar-pembesar tradisional maka jurang taraf hidup antara pemerintah dengan rakyat semakin melebar. Kerana itu mereka menuntut supaya kekuasaan dikembalikan kepada rakyat. Menurut PRB;<sup>91</sup>

**The Supreme authority in that State is vested in the Sultan in Council. In matters which concern the Mohammedan religion the Sultan is all powerful. The party want the Sultan to be a Constitutional Monarch**

---

<sup>90</sup>Memorandum on Constitutional Proposal, Constitution of Brunei, C.O. 1030/464

<sup>91</sup> North Borneo and Sabah Times, 21 Mei 1958.

Jika PRB mendapat kuasa mereka percaya masa depan akan cerah dan perasaan tamak haloba para pembesar akan terhapus.<sup>92</sup> Cara terakhir untuk mendapatkan kuasa dan mengubah sistem tersebut adalah menerusi pemberontakan.

Perlembagaan 1959, yang diusahakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk menuntut kerajaan sendiri secara berperingkat-peringkat amat bertentangan dengan kehendak dan perjuangan PRB. Perlembagaan tersebut dianggap menghalang parti untuk mendapatkan kuasa kerana tidak memberikan laluan bagi rakyat untuk memilih kerajaan yang dikehendaki. Kemenangan yang diperolehi dalam pilihan raya menerusi proses perlembagaan tidak memberi makna kerana dalam MMN mereka duduk sebagai parti pembangkang bukan pembuat dasar. Menurut Sultan Omar Ali Saifuddien III;<sup>93</sup>

**Pilihanraya yang telah diadakan itu bukanlah hendak menentukan siapa yang patut memegang teraju kerajaan.**

Mereka juga amat kecewa kerana segala tuntutan tidak diendahkan, mereka mahukan kemerdekaan dan diwujudkan sebuah pemerintahan demokrasi penuh. Sultan Brunei mempunyai pandangan yang berbeza, menurut tanggapan baginda, Brunei bukanlah tanah jajahan. Ia mempunyai kerajaan bersultan.<sup>94</sup> Sebagai seorang Sultan, yang diberi kuasa oleh perlembagaan untuk memerintah adalah menjadi tanggungjawab baginda untuk memberikan kesejahteraan dan keamanan kepada

---

<sup>92</sup> Letter From Office of His Excellency The High Commissioner for Brunei to The Rt.Hon'ble the Secretary of State, Colonial Office London, Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076,

<sup>93</sup> Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 150.

rakyatnya. Baginda mahu membawa rakyatnya ke arah berkerajaan sendiri berasaskan Sistem Kesultanan Islam yang berperlembagaan yang akan membawa kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen terhad tetapi mengikut strategi evolusioner dan bukannya revolusioner.

### 3.3.3 Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU)

A.M. Azahari juga mahu mewujudkan sebuah negara baru yang akan dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (selepas ini NKKU) yang terdiri dari Sarawak, Borneo Utara dan Brunei menjadi satu bangsa dan negara dengan Sultan Brunei sebagai "*Constitutional and Parliamentary Head of State*".<sup>95</sup> Cita-cita untuk menubuhkan NKKU telah mendapat sokongan dari beberapa orang pemimpin-pemimpin Borneo Utara dan Sarawak.<sup>96</sup> Sebelum ini satu '*Joint Statement*' telah ditanda tangani pada 9 Julai 1961 oleh ketiga-tiga pemimpin bagi kepentingan bersama dan Perlembagaan NKKU.<sup>97</sup> Rancangan ini juga pernah dinyatakan kepada Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu pada April 1962 di Kuala Lumpur.<sup>98</sup> Apabila meletus pemberontakan 8 Disember 1962, A.M. Azahari bersama Zaini Haji Ahmad telah memproklomasikan NKKU di Manila semasa dalam

---

<sup>94</sup> Berita Brunei, 23 Januari 1958.

<sup>95</sup> Zaini Haji Ahmad, The People's Party of Brunei, Dokumen 19/PRB/62, hal.199. Cita-cita ini juga pernah diucapkan oleh A.M. Azahari sewaktu pertemuannya keduanya dengan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada awal tahun 1962, lihat Ahmady Hassan, Ke-Mana Azahari ?, hal. 9-10.

<sup>96</sup> Borneo Bulletin, 15 September 1962.

<sup>97</sup> Zaini Haji Ahmad, Brunei Ke Arah Kemerdekaan 1984, Selangor: Zaini Haji Ahmad, Taman Melawati, Ulu Kelang, 1984, hal. 45.

<sup>98</sup> Ahmady Hassan, Ke Mana Azahari ?, hal. 11.

perjalanan ke Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendapatkan pengiktirafan.<sup>99</sup> Pengisytiharan itu antara lain menyebut;<sup>100</sup>

WHEREAS, in common with other subjected peoples of Africa and Asia, the peoples of Sarawak, Brunei and North Borneo immediately after the end of the last war clamored for the restoration of their inalienable right to national Freedom so long denied to them by the Colonial Power,... THEREFORE, the acknowledged leaders of the people of Sarawak, Brunei and North Borneo, meeting in the name of Liberty, Justice and Humanity, have this day, December 8, 1962, solemnly proclaimed the absolute and complete Independence of Negara Kesatuan Kalimantan Utara with Sultan Umar Ali Saifuddin as the Constitutional and Parliamentary Head of State.

Berdasarkan kepada undang-undang dasar NKKU, Sultan tidak lagi mempunyai kuasa mutlak dan duduk sebagai raja perperlembagaan. Ini bermakna Sultan hanya sebagai lambang dalam sistem pemerintahan yang dibentuk.

Sultan mempunyai pandangan yang berbeza mengenai demokrasi. Baginda melihat demokrasi sebagai satu tanggungjawab untuk memberi hak keistimewaan serta menjaga keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat. Menyediakan pendidikan percuma, kebebasan beragama, kesihatan percuma, kesejahteraan kepada rakyat merupakan satu tanggungjawab dalam menjalankan pemerintahan demokrasi.

Kerajaan berkabinet yang cuba dibentuk oleh A.M. Azahari dengan melantik beliau sendiri menjadi Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar dan Pertahanan dan Zaini Haji Ahmad memegang jawatan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan

---

<sup>99</sup> Harole James & Denis Sheil-Small, The Undeclared War, Kuala Lumpur: Leo Copper, 1979, hal. 6.

<sup>100</sup> Zaini Haji Ahmad (ed), The People's Party of Brunei, Dokumen 20/PRB/62, hal. 209.

Perindustrian<sup>101</sup> tidak dapat diterima oleh Sultan kerana bertentangan dengan perlombagaan yang sekian lama diperjuangkan baginda dan kewibawaan baginda sebagai seorang raja yang mempunyai status tersendiri.

Baginda juga ingin membuktikan bahawa tanggapan yang mengatakan sistem pemerintahan beraja merupakan sistem pemerintahan yang lemah dan tidak berjaya membawa kemajuan kepada negara serta tidak akan dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat adalah tidak benar. Sebaliknya sistem ini juga boleh memberi peluang rakyatnya menyertai pentadbiran walaupun bukan kuasa. Dengan mengiktiraf dan memberi kuasa kepada PRB boleh memusnahkan cita-cita Sultan Omar Ali Saifuddien III yang mahukan kemerdekaan berlandaskan kepada sistem Kesultanan Melayu Islam dalam bentuk demokrasi berparlimen. Kerana demokrasi yang cuba dituntut oleh PRB belum pasti akan dapat memberikan keamanan dan kesejahteraan kepada penduduk Brunei. PRB cuma mementingkan soal habuan tetapi tidak memikirkan soal masa depan Brunei.

Sultan Omar Ali Saifuddien III menganggap, penubuhan NKKU, bukan merupakan matlamat satu perjuangan untuk menuntut kemerdekaan sebaliknya adalah satu bentuk rampasan kuasa dari tangan sultan. Ini jelas dengan tindakan A.M. Azahari melantik dirinya menjadi Perdana Menteri dan menjadikan sultan sebagai '*Constitutional and Parliamentary Head of State.*' Tidak munasabah baginda menerima sebarang cadangan untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah Borneo British di bawah satu persekutuan kerana sebelum ini baginda telah menolak gagasan Federasi

---

<sup>101</sup> Ibid.

Borneo yang dikemukakan oleh Gabenor kedua-dua wilayah Borneo Utara dan Sarawak pada 1958.<sup>102</sup>

Hal inilah yang mendorong PRB mengorak langkah untuk mengubah strategik perjuangannya kepada corak radikal dengan menggunakan kekerasaan untuk berjuang dengan mengangkat senjata menerusi militernya yang digelar Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU)<sup>103</sup>

### 3.3.4 Gagasan Malaysia

Gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu untuk menghasilkan percantuman ketiga-tiga wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Brunei pada dasarnya atas nasihat Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan British dianggap oleh sultan sebagai satu cadangan yang menarik hati memandangkan kepada beberapa persamaan dari segi agama, bangsa, adat resam dan kebudayaan antara negeri-negeri yang akan menyertai persekutuan ini.<sup>104</sup>

Gagasan ini menimbulkan kebimbangan pemimpin-pemimpin PRB yang kewujudaan Persekutuan Malaysia yang dicadangkan akan menghalang cita-cita parti tersebut untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah tanpa penyertaan Persekutuan Tanah

---

<sup>102</sup> Borneo Bulletin, 15 Februari 1958.

<sup>103</sup> Kumpulan TNKU telah ditubuhkan pada tahun 1961. Keramaian ahlinya cuma 20 orang. Mereka ini cuma mendapat sokongan kuat di kawasaan luar Brunei seperti di Lawas, Limbang dan beberapa kawasaan di Sarawak, Lihat Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Politik Brunei 1945-1967", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995.

Melayu dan Singapura dalam sebuah negara baru NKKU.<sup>105</sup> Jika gagasan NKKU ini gagal kepimpinan dan imej A.M. Azahari dan partinya sebagai pejuang kemerdekaan di wilayah British Borneo terjejas.<sup>106</sup> Walaupun A.M. Azahari dijanjikan oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu untuk melantik beliau menjadi pemimpin Brunei.<sup>107</sup> Gagasan ini juga dianggap oleh A.M. Azahari sebagai memusnahkan perkembangan nasionalisme di Borneo yang sedang diperjuangkan dan bergerak cergas ketika itu.<sup>108</sup> Kerana itu, juga PRB menuduh Tunku Abdul Rahman sebagai “*Chasing an empty popularity*” dan cuba menjadikan dirinya sebagai Bapa Kemerdekaan Borneo setelah mendapat gelaran Bapa Kemerdekaan Malaya.<sup>109</sup>

Ternyata tentangan ini juga berpunca pada soal kuasa. Jika cadangan ini dilaksanakan mereka tidak akan memperoleh tempat dalam Persekutuan Malaysia kerana perselisihan dengan Tunku Abdul Rahman.<sup>110</sup> PRB khuatir dengan persaingan daripada pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman politik yang lebih luas berbanding dengan pemimpin-pemimpin PRB.

Akhirnya gagasan Malaysia telah dijadikan alat untuk mempengaruhi rakyat Brunei melancarkan pemberontakan. Pemimpin PRB, A.M. Azahari mengetahui bahawa rakyat Brunei tidak bersetuju dengan penyertaan Brunei dalam Persekutuan

---

<sup>104</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 106-107.

<sup>105</sup> Borneo Bulletin, 3 Jun 1961.

<sup>106</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 161.

<sup>107</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076

<sup>108</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 159.

Malaysia.<sup>111</sup> Dengan menggunakan beberapa muslihat, A.M. Azahari telah menimbulkan isu mengenai pengaruh komunis. Beliau mendakwa bahawa Persekutuan Malaysia tidak mampu untuk menghalang perkembangan pengaruh komunis kerana dalam tempoh beberapa tahun jumlah orang-orang Cina akan setanding dengan orang-orang Melayu.<sup>112</sup> Satu soalan timbul apakah dengan menyatukan ketiga-tiga wilayah menjadi NKKU, PRB mampu membendung perkembangan pengaruh Komunis sedangkan jumlah penduduk Cina di Sarawak lebih ramai jika dibandingkan dengan penduduk Melayu dan kebanyakannya mereka di Sarawak sejumlah besar telah dipengaruhi oleh komunis. A.M. Azahari tidak pernah menyebut soal ini.

Tujuan sebenar A.M. Azahari menentang kewujudaan Persekutuan Malaysia kerana menghalang kewujudan negara baru NKKU dan memusnahkan cita-citanya untuk menjadi “Presiden Borneo Utara”.<sup>113</sup> Hanya dengan mengadakan pemberontakan saja beliau mungkin berjaya merampas kuasa seperti yang dinyatakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III;

---

109 Borneo Buletin, 15 Julai 1961

110 Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 161.

111 A.M. Azahari merupakan salah seorang ahli dalam jawatankuasa yang dibentuk oleh Kerajaan Brunei untuk meninjau pendapat rakyat mengenai cadangan tersebut. Walaupun keputusannya dirahsiakan dan Sultan Brunei membuat kesimpulan yang rakyat Brunei bersetuju dengan rancangan tersebut.

112 Berita Harian, 22 November 1962.

113 Berita Harian, 25 Disember 1965.

Beta telah diberi percaya, bahawa orang-orang yang membuat rusuhan ini melawan Kerajaan Beta dengan nama Tentera Nasional Kalimantan Utara... Tujuan tentera ini bukanlah lain daripada merampas Kerajaan Beta..."<sup>114</sup>

... Belum habis senyap berbunyi anggota-anggota Parti Rakyat mengangkat sumpah lantekan mengaku dengan nama Tuhan taat setia kepada Beta, mereka telah membuat persediaan untuk merampas kuasa dan menggulingkan Kerajaan Beta...<sup>115</sup>

### 3.4. Pemberontakan 1962 Dan Peranan British

Pemberontakan 1962, merupakan sebagai satu titik hitam dalam perkembangan sejarah Brunei. Ia berlaku dengan pantas dan merupakan suatu peristiwa yang sungguh memeranjatkan bukan saja kalangan negara-negara luar malah rakyat Brunei sendiri. Untuk mendapatkan perhatian dunia A.M. Azahari telah mengisyiharkan pemberontakan dan mendakwa telah berjaya menawan 21 buah bandar ketiga-tiga wilayah. Seterusnya beliau menyalahkan pihak British kerana enggan membuka jalan yang membolehkan rakyat Brunei menentukan masa depan sendiri.<sup>116</sup> Walaupun PRB berjaya menawan beberapa buah balai polis di Temburung, Sengkurung, Tutong dan Belait namun cuma dapat bertahan selama satu minggu apabila Sultan Brunei minta bantuan kepada Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, Lord Selkrik di Singapore untuk mengirimkan bantuan ketenteraan seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian 1959<sup>117</sup>. Satu pasukan tentera British yang berpangkalan di Persekutuan Tanah Melayu<sup>118</sup> yang terdiri dari beribu-ribu orang askar dan komando termasuk regimen askar Gurkha telah dihantar untuk membantu Kerajaan Brunei menghadapi

<sup>114</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 152

<sup>115</sup> Ibid., hal. 147.

<sup>116</sup> Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", hal. 132.

<sup>117</sup> Pelita Brunei, 31 Disember 1962.

pemberontakan tersebut. Kerajaan Brunei juga telah menerima bantuan dari New Zealand yang membekalkan kapal pengangkut.<sup>119</sup> Kedudukan pemberontak-pemberontak semakin tertekan sehingga akhirnya mereka terpaksa tunduk dengan kekuatan tentera British dan pasukan polis hutan dari Persekutuan Tanah Melayu.<sup>120</sup>

PRB merasa yakin akan mencapai kemenangan. Keyakinan ini berdasarkan kepada sokongan yang diberikan oleh beberapa pemimpin Indonesia dan juga Filipina. Terdahulu daripada itu A.M. Azahari dan beberapa pemimpin parti telah mengadakan lawatan ke Indonesia dan kemungkinan besar untuk mendapatkan bantuan dan sokongan dari pemimpin-pemimpin dan parti-parti politik di Indonesia.<sup>121</sup> Ternyata sudah ada satu pakatan untuk menyokong pemberontakan Brunei dengan menyifatkannya sebagai “*World revolution of new emerging forces and revolution of mankind*”<sup>122</sup> dan perjuangan pemberontakan Brunei sebagai “*war of independence*”.<sup>123</sup>

Kemenangan awal yang dicapai oleh PRB berpunca daripada beberapa sebab. Pertama persiapan awal telah dibuat dengan mengadakan latihan atas ketenteraan di Kampong Kilanas sebelum mendapat latihan dengan Tentera Nasional Indonesia.<sup>124</sup> Kedua, kerana Brunei belum mempunyai pasukan tentera, pertahanan dalam negeri terlalu lemah dengan jumlah pegawai keselamatan dan polis terlalu kecil yang terdiri

<sup>118</sup> Peter Dickens, SAS The Jungle Frontier 22 Special Air Service Regiment the Borneo Campaign, 1963-1966, Kuala Lumpur: S. Abdul Majid & Co, 1991, hal. 40.

<sup>119</sup> The Times, 11 Disember 1962.

<sup>120</sup> Straits Times, 11 Disember 1962.

<sup>121</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076.

<sup>122</sup> Malayan Times, 12 Disember 1962 dan 25 April 1963.

<sup>123</sup> North Borneo and Sabah Times, 25 Disember 1962.

dari pegawai polis tempatan dan pinjaman dari Persekutuan Tanah Melayu. Ketiga pihak British tidak membuat persediaan walaupun mengetahui kemungkinan berlakunya pemberontakan berasaskan bukti dari alat-alat yang telah dirampas.<sup>125</sup> Di samping itu Sultan Omar Ali Saifuddien III sendiri tidak yakin peristiwa tersebut akan berlaku. Walaupun ditemui bukti-bukti berupa pakaian seragam untuk persediaan mengadakan pemberontakan tersebut "*there was no reason to suspect a revolt, everyone was living in peace and calm*".<sup>126</sup> Pemberontakan tersebut berjaya ditamatkan kerana pemberontak-pemberontak itu tidak mampu menandingi asykar-ayskar British yang terlatih dan mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menamatkan pemberontakan tersebut. Seramai 2,000 orang telah ditangkap dan lebih kurang 100 orang telah terbunuh.<sup>127</sup> Untuk mengembalikan keamanan, darurat dan perintah berkurung telah diisyiharkan. Peristiwa ini juga menyebabkan PRB telah diharamkan.<sup>128</sup>

Dengan pengharaman PRB dan pengisytiharan undang-undang darurat saluran untuk menyebarkan maklumat kegiatan politiknya telah tertutup. Perjuangannya juga semakin lemah dengan tertangkapnya pemimpin-pemimpin parti tersebut. Bantuan luar yang diharapkan oleh A.M. Azahari juga tidak berkesan untuk menggugat Kerajaan Brunei. Kestabilan politik dalam negeri dapat dipulihkan. Sultan juga telah berjanji untuk memberi pengampunan dan memberi bantuan kepada keluarga

---

<sup>124</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei, 1939-1963, Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa Sdn. Bhd., 1989, hal. 140.

<sup>125</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076,

<sup>126</sup> Borneo Bulletin, 29 Disember 1962.

<sup>127</sup> Borneo Bulletin, 8 Disember 1962.

<sup>128</sup> Pelita Brunei, 8 Disember 1962. Linat juga Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", hal. 133.

pemberontak-pemberontak yang akhirnya telah berjaya melemahkan perjuangan PRB. Kumpulan aktivis Filipina juga telah menarik sokongannya.

Berbagai-bagi tafsiran telah dibuat mengenai pemberontakan tersebut yang kononnya peristiwa tersebut adalah sesuatu yang dirancang. PRB mendakwa Sultan Omar Ali Saifuddien III terlibat dalam pemberontakan tersebut dan merestuinya sebagai satu cara untuk membolehkan baginda menjadi ketua NKKU<sup>129</sup> dan baginda sendiri mengetahui sepenuhnya rancangan itu<sup>130</sup> serta menyokong perjuangan PRB.<sup>131</sup> Kenyataan ini disokong oleh D.C. White, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei dalam lapurannya kepada Pejabat Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London yang menyebut bahawa pemberontakan tersebut telah dirancang oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III.<sup>132</sup> Menurut lapuran tersebut A.M. Azahari telah membincangkan dengan Sultan Omar Ali Saifuddien III akan perkara ini yang dipandang sebagai satu cara untuk mengembalikan kedaulatan Brunei terhadap wilayah-wilayah tersebut yang menjadi angan-angan sultan dan pembesar-pembesar Brunei.<sup>133</sup>

Sultan Omar Ali Saifuddien III menafikan tuduhan tersebut dan mendakwa ia merupakan sebagai tipu helah pemimpin PRB untuk mendapatkan sokongan rakyat.<sup>134</sup> Menurut baginda lagi dengan cara ini sajalah rakyat Brunei akan memberi sokongan kepada perjuangannya;<sup>135</sup>

---

<sup>129</sup>Ahmady Hassan, Ke Mana Azahari?, hal. 23.

<sup>130</sup>Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076,

<sup>131</sup>Ahmady Hassan, Ke Mana Azahari?, hal. 15.

<sup>132</sup>Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076.

<sup>133</sup>Ibid.

<sup>134</sup>Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 156.

<sup>135</sup>Ibid., hal. 148.

**Penganjur-penganjur ini telah membuat dakyah yang palsu dan dusta dengan mengatakan bahawa tentera ini mendapat sokongan dari Beta... Ini adalah semata-mata palsu belaka...**

Mungkin juga ini adalah satu-satunya cara untuk mengharamkan PRB. Jika sekiranya PRB tidak digalakkan untuk melakukan pemberontakan jalan untuk mengharamkan parti ini tidak dapat dilakukan. Sekiranya parti ini terus melancarkan propaganda mungkin akan menjadi duri dalam daging kepada sultan dan akhirnya sultan terpaksa menyerahkan kuasa. Langkah minta bantuan ketenteraan kepada Lord Selkirk bagi melumpuhkan pemberontakan tersebut juga boleh dianggap sebagai satu peringatan kepada penyokong-penyokong PRB supaya peristiwa tersebut tidak berulang dan langkah ini juga dapat menjamin keselamatan dan mengukuhkan sistem monarki.

Di sebalik itu ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak British yang mempunyai motif politik bertanggungjawab terhadap meletusnya pemberontakan ini kerana boleh dijadikan alat menjaga kepentingan ekonomi dan politiknya demi menjamin supaya pengaruhnya ke atas Brunei dapat bertahan lebih lama.<sup>136</sup> Helah melambat-lambatkan perundingan mengenai soal perlembagaan membuktikan adanya motif tersebut, Pihak British bimbang sejak Perlumbagaan 1959 dimeteraikan Sultan Omar Ali Saifuddien III cuba mengurangkan pengaruh British ke dalam pentadbiran dan birokrasi Brunei. Baginda mula mengalihkan pergantungan kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk mendapatkan pegawai-pegawai pentadbir Melayu

---

<sup>136</sup> Letter From Anthony Abell to E. Melville, 6 Oktober 1958., C.O. 1030/462,

untuk berkhidmat dengan kerajaan Brunei bagi mengisi “7 key posts” walhal cadangan asal pihak British ialah supaya jawatan-jawatan tersebut diisi oleh pegawai-pegawai British yang akan dipilih oleh pihak British atas persetujuan Sultan Brunei.

Pihak British juga khuatir sikap sultan lebih banyak mengadakan perundingan dan menerima nasihat Menteri Besar dalam mengadakan rundingan bagi menentukan dasar dalam negeri.<sup>137</sup> Sikap ini mencurigakan British dan menganggap nasihat mereka tidak diperlukan. Jadi apa yang dibimbangkan oleh British ketika perundingan perlembagaan di London sudah menjadi kenyataan, iaitu adanya seorang Menteri Besar boleh menjaskannya kehendak mereka. Sultan Omar Ali Saifuddien III bertindak mengikut Perlembagaan 1959 iaitu menggunakan kuasa yang diberikan kepada baginda melalui perlembagaan untuk menjalankan pentadbiran dalam negeri. Bagi British hal ini menjadikan cita-cita untuk bertapak lebih lama ke atas negara yang kaya dengan minyak itu akan terjejas.

Dalam beberapa peristiwa sebelum berlakunya pemberontakan pihak British telah menjumpai pakaian seragam dan program gerakan bawah tanah<sup>138</sup> lalu bertindak melakukan penangkapan ke atas beberapa orang yang disyaki. Sementara itu Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah melaporkan adanya kegiatan gerakan bawah tanah yang diselanggarakan oleh PRB kepada Pesuruhjaya Agung British bagi Asia Tenggara Lord Selkirk<sup>139</sup> tetapi kejadian ini tidak ada sebarang tindakan positif dibuat. Semasa lawatannya ke Brunei pada 6 Disember

---

<sup>137</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076

<sup>138</sup> Borneo Bulletin, 29 Disember 1962.

<sup>139</sup> Muhammad Hadi Abdullah, “Sultan Omar Ali Saifuddien III”, hal. 330.

1962<sup>140</sup> beliau menafikan dan memberi jaminan bahawa tidak ada perkara yang perlu dibimbangkan walhal pihak British juga mengetahui TNKU mendapat latihan tentera dari Indonesia.<sup>141</sup> British terus mendiamkan diri dan membiarkan pemberontakan itu benar-benar meletus. Dengan cara ini semakin besarlah keperluan untuk mendatangkan askar-askar dan pegawai-pegawai “*expectriate*” ke Brunei. Ini akan menguatkan kedudukan mereka. Di samping itu British akan terus kekal menguasai minyak. Dengan berlakunya pemberontakan masa proses pembangunan dan kemajuan Brunei tidak perlu disegerakan.

Rancangan untuk Brunei menyertai Persekutuan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman merupakan satu lagi motif politik British mencapai cita-cita mereka. Pihak British melalui Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan di London telah menasihatkan Sultan supaya menerima rancangan tersebut.<sup>142</sup> Semasa dalam perundingan mengenai kemasukan Brunei ke dalam persekutuan tersebut, di saat-saat akhir, Dato Neil Lawson, Penasihat Kewangan Brunei telah menasihatkan supaya Brunei tidak menyertai Malaysia dengan alasan tidak ada kata sepakat dalam delegasi tersebut.<sup>143</sup> Tindakan ini telah mencetuskan keretakan hubungan antara kerajaan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu. Kekerohan ini setentunya Sultan Omar Ali Saifuddien III akan memerlukan pergantungan semula dengan kerajaan British. Keadaan ini telah menjadi kenyataan, apabila Tunku Abdul Rahman menarik balik pegawai-pegawai kerajaan yang dipinjamkan akibatnya perjalanan pentadbiran Brunei

---

<sup>140</sup> Straits Times, 12 Disember 1962.

<sup>141</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076.

<sup>142</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 106.

<sup>143</sup> Muhammad Hadi Abdullah, “Sultan Omar Ali Saifuddien III”, hal. 291.

hampir lumpuh. Akhirnya Sultan Omar Ali Saifuddien III berangkat ke London untuk mengadakan perundingan bagi mendapatkan bantuan kepakaran.<sup>144</sup>

Rangkaian peristiwa ini membuktikan bahawa British terlibat secara langsung menyebabkan meletusnya pemberontakan pada 1962 di Brunei demi untuk menjamin pengaruhnya dan kepentingannya ke atas politik dan ekonomi Brunei. Bekas pemimpin-pemimpin PRB Zaini Haji Ahmad, Yassin Affendy, Jais Abas dan juga A.M. Azahari telah membuat kenyataan dan mengaku bahawa pemberontakan tersebut akibat provokasi British.<sup>145</sup>

Sungguhpun pemberontakan tersebut berjaya ditamatkan tetapi ia telah meninggalkan implikasi yang besar terhadap hubungan luar dan politik dalam Brunei apabila kuasa-kuasa luar melibatkan diri dalam krisis politik Brunei. Penglibatan ini berpunca apabila A.M. Azahari pemimpin PRB cuba mendapatkan sokongan luar menyebarkan propaganda politiknya bagi mendapatkan sokongan moral dan material. Sokongan ini telah mengheret Brunei ke dalam kencah politik antarabangsa apabila Filipina, Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu menyokong perjuangan PRB yang akhirnya mengheret ketiga-tiga negara tersebut ke dalam konfrontasi.

---

<sup>144</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 213.

### **3.4.1 Sokongan Dari Filipina**

Tindakan memberikan perlindungan politik dan membenarkan kedua-dua pemimpin PRB, A.M. Azahari dan Zaini Haji Ahmad melancarkan proklomasi NKKU telah dianggap sebagai membuktikan kerajaan Filipina telah membantu pemberontakan tersebut. Tanggapan ini telah menimbulkan konflik antara kerajaan Brunei dengan kerajaan Filipina.

Konflik antara Brunei dengan Filipina bermula apabila pihak-pihak tertentu memberi sokongan kepada pemberontakan dan ketua pemberontak A.M. Azahari dan Zaini Haji Ahmad serta memberi perlindungan politik dan menjadikan Manila tempat memproklomasikan NKKU. Sokongan Filipina kepada pemberontakan ini mempunyai motif atau udang disebalik batu; iaitu mendesak Britsh supaya memenuhi tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara yang tidak diendahkan oleh Britiash. Di samping itu Persekutuan Malaysia juga merupakan satu lagi halangan Filipina mencapai hasratnya. Oleh kerana matlamat utama menentang Malaysia, Filipina memberikan sokongan penuh kepada pemberontakan.

Pada awalnya beberapa pemimpin Filipina menyokong perjuangan PRB yang dianggapnya sebagai satu perjuangan kemerdekaan untuk menentang British. Penyokong-penyokong Filipina terdiri dari Rashid Lukman seorang ahli Kongres, Benjamin Abu Bakar, Gabenor Sulu, Vicenzo A. Sagun, ahli kongres, Godofredo P. Ramos, Pegawai Jawatan Kuasa Hal Ehwal Luar dan Ignacio Lucina, Presiden

---

<sup>145</sup> Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III", hal. 355.

Gerakan Buruh Filipina. Mereka mencadangkan supaya Kerajaan Filipina menaja perjuangan PRB untuk menentukan untung nasib mereka sendiri supaya Presiden Filipina Macapagal "*extend it's sympathy and support, short of direct military aid to the revolutionary movement in the British Colonies of Brunei and Sarawak*".<sup>146</sup> Kumpulan Ignacio Lucina telah mendesak supaya kerajaan Filipina menyokong pemberontakan Brunei dan membawa isu tersebut ke PBB.<sup>147</sup>

Kerajaan Filipina terpaksa menarik balik sokongannya kerana kepentingan nasional terhadap *Association of Southeast Asia* (ASA) dan ASA juga menjadi benteng terhadap perkembangan pengaruh komunis. Jika sekiranya Filipina menyokong pemberontakan PRB ini akan menjelaskan keutuhan ASA. Tindakan Tunku Abdul Rahman mengancam tidak akan hadir dalam persidangan Menteri-Menteri Luar ASA yang akan diadakan pada 12-17 Januari 1963, jika Filipina memberikan bantuan kepada Azahari. Tunku Abdul Rahman bimbang Azahari akan mempengaruhi British akan menggagalkan Malaysia. Tindakan Tunku Abdul Rahman ini telah menyebabkan Filipina mengubah pendiriannya dan Macapagal telah mengarahkan supaya jangan membangkitkan isu PRB dan mengarahkan pusat gerakan NKKU dipindahkan dari Filipina. Emmanuel Palaez telah mengumumkan yang "*Azahari had no official dealings with the Philippines Government*".<sup>148</sup>

<sup>146</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei, hal. 175

<sup>147</sup> Ibid., hal. 222

<sup>148</sup> Malayan Times, 11 Disember 1963.

Tuntutan Kerajaan Filipina ke atas wilayah Borneo Utara pada 12 Jun 1962 tidak diendahkan oleh British yang menganggap tuntutan tersebut tidak berasas. Mengikut pihak British perjanjian pajak dengan bayaran \$5,300 pada 1878 Masihi di antara Sultan Sulu dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent telah dianggap sebagai penyerahan bukannya pajakan, kerana itu setiap tuntutan ke atas wilayah Borneo Utara tidak akan dilayan walaupun Sultan Sulu pernah mendakwa wilayah tersebut tidak diserahkan.

Pihak British menolak kerana cadangan telah dibuat bagi menyatukan ketiga wilayah tersebut menjadi sebuah persekutuan dalam gagasan Malaysia supaya tidak terlepas ke tangan kuasa lain. Pemberontakan Brunei telah dijadikan fokus supaya British memikirkan semula tuntutan Filipina. Kerana itu mereka cuba menyokong pemberontakan itu. Tindakan ini akan menjadikan “*face-saving formula*” antara kerajaan Filipina dengan British walaupun tidak mendapat kejayaan<sup>149</sup>

Tuntutan ke atas Sabah mulai pudar kerana mereka menganggap NKKU bukan sebuah kerajaan yang mewakili seluruh rakyat. Menurut M. Liefer, “*Filipina tidak menyokong kerana ianya bercanggah dengan kepentingan nasionalnya cuma ke atas satu wilayah*”.<sup>150</sup> Kepudaran ini juga mempunyai hubungan dengan kepentingan setia kawan dalam SEATO dan untuk kepentingan dan keutuhan ASA sebagai sebuah

---

<sup>149</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei, hal. 172.

<sup>150</sup> Micheal Leifer, The Philippines Claim to Sabah, Monograf South East Asia, No.1, University of Hull, England, 1967, hal. 39.

ikatan politik antara negara Filipina, Thailand, Persekutuan Tanah Malaya sebagai sebuah badan yang cuba mengekang kemasukan pengaruh komunis ke Asia Tenggara. Tindakan kerajaan Filipina ini menyebabkan perjuangan PRB semakin lemah dan akhirnya A.M. Azahari meneruskaan perjuangannya di Jakarta, Indonesia.

### 3.4.2 Sokongan Dari Indonesia

Kerajaan Indonesia secara terang-terang memberi sokongan moral dan material kepada pemberontak Brunei.<sup>151</sup> Kegagalan A.M. Azahari untuk menjadikan Filipina sebagai puast gerakan bagi meneruskan perjuangannya dan sokongan yang diterimanya daripada pemerintah Indonesia menyebabkan A.M. Azahari telah memindahkan perjuangannya ke Indonesia.

Perjuangan A.M. Azahari bukan saja mendapat sokongan dari pemimpin-pemimpin di Indonesia bahkan pemimpin-pemimpin tertingginya iaitu Presiden Sukarno telah menyeru kepada rakyat Indonesia supaya memberikan sokongan, dan bersesuaian dengan dasar Indonesia yang anti-kolonialisme, dan anti-neokolonialisme.<sup>152</sup> Seruan beliau mendapat perhatian dari pemimpin-pemimpin tertinggi tentera Indonesia, parti-parti politik dan beberapa pertubuhan massa. Mejai Jeneral Ahmad Yani dan Jeneral Nasution menganggap perjuangan tersebut sebagai satu perjuangan pembebasan dalam menentukan untung nasib bangsa dan negera

---

<sup>151</sup> Asia Year Book 1982, Hong Kong, Far Eastern Economic Review, 1982, hal. 121.

<sup>152</sup> Malayan Times, 17 Januari 1963.

sendiri.<sup>153</sup> yang dihancurkan oleh penjajah.<sup>154</sup> Dr Subanrio, Menteri Luar Indonesia menyokong kerana tidak mahu melihat mana-mana negara terus menerus di bawah belenggu penjajahan dan akan terus menyokong setiap perjuangan untuk mencari kebebasan.<sup>155</sup> Perjuangan ini dianggap oleh beliau sebagai “*a matter of principle*”.<sup>156</sup>

Parti Indonesia (PARTINDO)<sup>157</sup> tidak ketinggalan memberikan sokongan dan akan bersedia membantu pemberontakan Brunei sekiranya diperlukan.<sup>158</sup> Parti Komunis Indonesia (PKI) menganggap perjuangan pemberontak-pemberontak di Brunei sebagai satu perjuangan nasionalis yang berjuang untuk membebaskan diri dari belenggu penjajahan dan neo-kolonialis.<sup>159</sup> Selain daripada itu beberapa organisasi massa juga siap sedia untuk membantu dan akan menghantar sukarelawan.<sup>160</sup> Kerana itu semasa pemberontak-pemberontak berjaya menduduki Limbang, mereka tidak akan melancarkan sebarang tindakan sehingga tiba bantuan yang dijanjikan.<sup>161</sup>

Sokongan Indonesia kepada pemberontakan di Brunei mempunyai motif yang tersendiri iaitu untuk memenuhi cita-cita Sukarno yang mahu menggagalkan rancangan Tunku Abdul Rahman merealisasikan Persekutuan Malaysia. Perjuangan pemberontakan PRB yang menentang keras gagasan Persekutuan Malaysia telah dijadikan oleh Indonesia sebagai batu loncatan bagi menggagalkan rancangan tersebut.

<sup>153</sup> North Borneo and Sabah Times, 2 Februari 1963, Malayan Times, 2 Februari 1963, 19 Februari 1963 dan 9 Mei 1963.

<sup>154</sup> Malayan Times, 17 Januari 1963.

<sup>155</sup> Ibid., 4 Januari 1963.

<sup>156</sup> Ibid., 2 Februari 1963.

<sup>157</sup> The Sarawak Tribune, 15 Disember 1962.

<sup>158</sup> Ibid., 19 Disember 1963.

<sup>159</sup> Telegaram to the Secretary of State for the Colonies, From Commissioner General for the United Kingdom, C.O. 1030/1071., f.9.

<sup>160</sup> The Sarawak Tribune, 19 Disember 1962

Presiden Sukarno, pemimpin-pemimpin tertinggi tentera Indonesia dan parti-parti politik menganggap bahawa Persekutuan Malaysia sebagai penghalang dan saingan hebat kepada cita-cita Indonesia untuk mewujudkan sebuah kesatuan yang lebih besar iaitu Indonesia Raya yang melibatkan wilayah-wilayah Borneo British, Tanah Melayu dan juga Singapura.<sup>162</sup> Dengan cara ini Indonesia akan menjadi sebuah kuasa yang dominan di Asia Tenggara yang telah dicita-citakan sejak pendudukan Jepun.<sup>163</sup> Kejayaan Indonesia menduduki Irian Barat telah mempengaruhi dasar luarnya dan mahu meningkatkan *status quo*nya ka atas Asia Tenggara. Dengan itu Indonesia menganggap gagasan Malaysia sebagai saingan. Para pemimpin Indonesia curiga bahawa kejayaan Tunku Abdul Rahman merealisasikan Malaysia akan menyebabkan pengaruh kepimpinan mereka di Asia Tenggara terjejas. Kerana itu Indonesia memberikan sokongan moral dan material untuk pemberontakan Brunei. Rakyat Indonesia yang tidak turut serta menentang penjajahan dianggap sebagai pengkhianat kepada bangsanya sendiri.<sup>164</sup>

Parti Komunis Indonesia (PKI) juga bimbang. Kewujudaan Malaysia merupakan sebagai penghalang kepada perkembangan pengaruh komunis bagi rantau inidan menganggap sebagai “*anti-Communist bulwark*”.<sup>165</sup> Sementara itu Tentera Nasional Indonesia (TNI) menentangnya kerana bimbang ia akan memberi peluang

---

<sup>161</sup> Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1076.

<sup>162</sup> H.F. Armstrong, “The Troubled Birth of Malaysia”, Foreign Affairs, Vol. 41, No. 4, Julai 1963, hal. 676.

<sup>163</sup> Ibid., hal. 675.

<sup>164</sup> Borneo Bulletin, 22 Disember 1962.

<sup>165</sup> Zainal Abidin Abdul Wahid, “Malaysia, South-East Asia and World Politics”, Wang Gungwu (ed.), Malaysia: A Survey, New York: Frederick A. Praeger, 1965. hal. 371.

kepada perkembangan komunis di rantau ini kerana Persekutuan Malaysia akan memberi peluang meningkatkan dominasi orang-orang Cina.<sup>166</sup>

Berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan inilah maka Indonesia menyokong perjuangan pemberontakan Brunei dengan memberikan sokongan moral dan material serta memberikan bekalan senjata dan bantuan ketenteraan kepada pemberontak-pemberontak Brunei.

### 3.4.3 Bantuan Persekutuan Tanah Melayu

Pemberontakan Brunei tidak mendapat sokongan dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Sebaliknya Persekutuan Tanah Melayu telah membantu pihak kerajaan Brunei untuk menghapuskan pemberontakan tersebut. Tunku Abdul Rahman menganggap pemberontakan yang diketuai oleh A.M. Azahari adalah suatu penentangan kepada Persekutuan Tanah Melayu yang sedang berusaha mewujudkan Persekutuan Malaysia bukannya merampas kuasa pemerintahan Sultan Brunei. Kerana itu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menghantar satu pasukan polis hutan yang berjumlah lebih kurang 150 orang untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman.<sup>167</sup> Pasukan ini ditempatkan bersama-sama dengan tentera-tentera British dan Gurkha.<sup>168</sup> Dengan semangat juang yang ditunjukkan oleh pasukan polis

<sup>166</sup> J.O. Sutter, "Two Faces of Konfrantasi: Crush Malaysia and the Gestapo", *Asian Survey*, Vol. 6, No. 10, hal. 527.

<sup>167</sup> Pelita Brunei, 31 Disember 1962, Straits Times, 11 Disember 1962.

<sup>168</sup> Titah 1959-1967 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal.153.

dari Persekutuan Tanah Melayu, mereka telah berjaya mempertahankan Balai Polis Penaga di Seria.<sup>169</sup>

Bantuan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada kerajaan Brunei boleh dianggap sebagai tindakan yang mengikat Brunei supaya menyertai Persekutuan Malaysia. Sebelum bantuan diberikan Tunku Abdul Rahman telah menghantar sepucuk surat kepada Sultan Brunei untuk memasukkan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia sebagai syarat bagi bantuan tersebut. Antara lain isi kandungan surat tersebut berbunyi, “*Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan memberi bantuan kepada Brunei dengan syarat Brunei mestilah memasuki Persekutuan Tanah Melayu*”.<sup>170</sup> Berikutnya dengan surat ini, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, D.C. White telah menasihatkan Sultan Brunei supaya menerima cadangan Tunku Abdul Rahman.<sup>171</sup> Setelah mendapat persetujuan dari ahli-ahli MMN yang bersidang pada 31 Januari 1963 satu rombongan telah dihantar ke Persekutuan Tanah Melayu untuk menyambung rundingan.

Walaupun ada pendapat yang mengatakan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyokong PRB mereka adalah tokoh-tokoh parti pembangkang negara itu.<sup>172</sup> Mereka menyelar Persekutuan Tanah Melayu dan menuduhnya cuba

---

<sup>169</sup> Balai Polis ini merupakan satu-satunya Balai Polis yang tidak dapat ditawan oleh pemberontak-pemberontak PRB. Beberapa tembakan dan korban telah berlaku ke atas pemberontak-pemberontak PRB.

<sup>170</sup> Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Jabatan Pusat Srijarah, 1992, hal. 122-123.

<sup>171</sup> Ibid.

<sup>172</sup> Antara parti-parti pembangkang yang menentang bantuan ini terdiri dari Front Socialist Malaya dan Pan-Malayan Islamic Party. Kedua-dua parti ini mempunyai hubungan dengan PRB. Dalam kongres pertama PRB tahun 1957, kedua-dua pemimpin Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin telah dijemput untuk menghadiri kongres tersebut.

menghalang PRB untuk berjuang menentang imperialisme bagi mendapatkan kemerdekaan.<sup>173</sup> A.M. Azahari sendiri telah menyelar Tunku Abdul Rahman yang dianggap cuba campur tangan dalam hal ehwal politik Brunei.<sup>174</sup>

---

<sup>173</sup> Straits Times, 11 Disember 1962.

<sup>174</sup> Ibid., 12 Disember 1962.